

Pendebat Tamhidi monopoli debat USIM

Oleh Zaini Othman
bhvarsiti@bh.com.my

► Nilai

Pendebat Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berjaya mengekalkan juara keseluruhan dua tahun berturut-turut dalam Kejohanan Debat Piala Naib Canselor USIM ke-8, baru-baru ini.

Mereka muncul juara pada saingan akhir kategori Debat Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab apabila masing-masing berjaya mengalahkan pendebat Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan dan Fakulti Syariah dan Undang-undang.

Pada saingan akhir Debat Bahasa Melayu pula, pendebat Pusat Tamhidi bagaimanapun sekadar berpuas hati dengan gelaran naib juara selepas tumpas kepada pendebat Fakulti Sains dan Teknologi.

Pendebat terbaik bagi ketiga-tiga kategori diraih Nurul Husna As-Saedah (Bahasa Melayu), Efrianis Arika Hasi-

buan Efendi (Bahasa Inggeris) dan Muhammad Muzakkir Ahmad Dali (Bahasa Arab).

Barisan pelapis

Pengarah kejohanan, Amir Najib Abd Hadi, berkata penyertaan untuk edisi kali ini cukup membe-

rangsangkan dengan penyertaan 21 pasukan bagi kategori Bahasa Melayu manakala Bahasa Inggeris

dan Bahasa Arab, masing-masing 18 pasukan.

Katanya, kejohanan turut men-

jadi platform terbaik mengenal pasti barisan pelapis pendebat baharu untuk digilap potensi mereka seterusnya mewakili dan mengharumkan nama USIM dalam pertandingan debat yang lebih berprestij.

"Bagi menarik minat pelajar dalam bidang pengacapan awam, pengurusan universiti turut meningkatkan hadiah wang tunai berbanding kejohanan sebelum ini.

"Johan menerima RM1,000 dan sijil penghargaan, manakala naib johan dan pendebat terbaik bagi setiap kategori masing-masing menerima wang tunai RM800 dan RM500 dan sijil penghargaan," katanya.

Majlis penutup kejohanan disempurnakan Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad. Yang turut hadir ialah, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Datuk Dr Mohamed Asin Dollah dan Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Nasrul Hakim Ahmad.

Aksi pendebat Pusat Tamhidi ketika mengemukakan hujah.



Pendebat Fakulti Sains dan Teknologi meraikan kejayaan muncul juara kategori Debat Bahasa Melayu.